



Transformasi Sungai Melaka

» Fasa kedua tumpu segi pengisian, anjur festival, maraton antarabangsa

Oleh Amirullah Andi Nur
bhnews@bh.com.my



Baharom Majid

Wawasan Melaka Maju Fasa Kedua itu bakal menyaksikan satu daripada produk pelancongan terbaik Malaysia itu, dipenuhi dengan pelbagai aktiviti bertaraf antarabangsa yang diharap mampu meletakkan sungai berkenaan hingga ke tahap tersohor. Selain itu, ia juga dirancang untuk menjadi sungai berdaya



Pemandangan Sungai Melaka di Kampung Morten.

[FOTO MOHD JAMAH NASRI/BH]

saing, lebih ekonomik, bersih dan indah serta paling penting, kekal berada antara saliran paling digemari untuk dilawati pengunjung menerusi perkhidmatan Melaka River Cruise (MRC).

Ketua Pegawai Eksekutif PPSPM, Datuk Baharom Majid berkata, bagi merealisasikan sasaran itu, pihaknya merancang untuk menganjurkan pelbagai

aktiviti bersesuaian, termasuk bertaraf antarabangsa dengan sokongan pelbagai pihak.

Pengisian pelbagai aktiviti

Katanya, antara yang dicadangkan adalah penganjuran Festival Antarabangsa Sungai Melaka dan Maraton Antarabangsa Sungai Melaka di sepanjang sungai terbabit, selari dengan sambu-

tan Tahun Melawat Malaysia 2014.

“Kalau dulu ketika wawasan Melaka Maju dilaksanakan, tumpuan kita banyak kepada penyediaan kemudahan infrastruktur. Tapi kali ini, bagi Melaka Maju Fasa Kedua, tumpuan kita adalah dari segi pengisian untuk menjadikan Sungai Melaka sebagai tersohor di rantau ini.